



SEBAHAGIAN pengawal keselamatan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bergotong-royong membersihkan kawasan tasik menjelang Pesta Konvokesyen USIM Ke-11 yang akan berlangsung dari 28 November sehingga 1 Disember ini.

## Gotong-royong menjelang pertandingan memancing

SEREMBAN 17 Nov. - Seramai 20 pengawal keselamatan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjalankan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan tasik di universiti berkenaan menjelang Pesta Konvokesyen USIM kali Ke-11 yang akan berlangsung dari 28 November hingga 1 Disember ini.

Ketua Bahagian Keselamatan USIM, Kapt. (B) Abdul Wahab Mat Zin berkata, program tersebut merupakan persiapan awal pihaknya sebelum Majlis

**Pesta KONVO**  
Utusan Mingguan USIM  
kali ke-11, 2013

Simbolik Pelancaran Pesta Konvokesyen dan pelepasan ikan pada 28 November ini.

"Ini merupakan salah satu inisiatif pihak Bahagian Keselamatan USIM kerana kita tidak mahu dilihat hanya terikat pada tugas hakiki semata-mata,

tetapi turut berperanan membantu pihak universiti dalam segala aspek," katanya.

Pada masa yang sama, beliau berkata, tasik yang berkeluasan hampir 10 hektar ini mempunyai daya tarikan dan sesuai bagi menjalankan pelbagai aktiviti air termasuk memancing.

Tasik berkenaan dijangka dibuka kepada umum pada pertandingan memancing terbuka sempena Pesta Konvokesyen USIM pada 1 Disember ini.

Abdul Wahab menjelaskan, tasik itu berpotensi untuk dikomersilkan bukan saja kepada warga USIM malah boleh

menarik orang ramai untuk mengunjunginya kerana di situ juga terdapat pelbagai jenis ikan seperti toman dan tilapia.

"Pertandingan memancing anjuran USIM dan Kumpulan Utusan ini adalah satu langkah yang tepat kerana sudah sampai masanya tasik dijadikan sebagai tarikan kepada orang ramai," katanya.

Beliau yakin pihak penguurusan universiti mempunyai perancangan untuk menjadikan kawasan tasik itu sebagai lokasi yang sesuai bukan saja untuk para pelajar malah kepada orang ramai beriadah.